



PENGURUSAN KESELAMATAN KEBAKARAN UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA



Kandungan

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.0	Panduan Pencegahan Kebakaran	3
2.0	Panduan Kawad Kebakaran	4
	2.1 Pendahuluan	
	2.2 Tujuan	
	2.3 Arahan	
	2.4 Latihan	
	2.5 Peraturan Kawad	
	2.6 Pasukan Bertindak Kecemasan	
	2.7 Tindakan Oleh Pelajar Dan Staf Apabila Loceng Kecemasan Berbunyi	
	2.8 Peraturan Keluar Bangunan Ke Tempat Selamat (RV)	
	2.9 Perlaksanaan	
3.0	Tindakan Pengawal Keselamatan Semasa Berlaku Kebakaran	11
	3.1 Tindakan Pertama Yang Perlu Dilakukan	
	3.2 Tindakan Susulan Yang Perlu Dilakukan	
	3.3 Tindakan / Tanggungjawab Ketua Giliran	
	3.4 Tindakan / Tanggungjawab Seksyen Menyelamat	
	3.5 Tindakan / Tanggungjawab Seksyen Memadam Kebakaran	
	3.6 Tindakan Oleh Pengawal Bertugas Ketika Mendengar Loceng Kecemasan.	
	3.7 Tindakan Ketua Giliran / Pengawal Bertugas Selepas Selesai Tugas	
4.0	Tempat Selamat / Berhimpun (RV)	14
	4.1 Kampus Induk	
	4.2 Kampus Bandar	
	4.3 Kolej Kediaman Perwira	
	4.4 Kolej Kediaman Melewar	
5.0	Carta Organisasi Pasukan Bertindak Kecemasan	17
6.0	Kelas Kebakaran	18
7.0	Jenis-Jenis Alat Pemadam Api	19
8.0	Cara-Cara Menggunakan Alat Pemadam Api	20
9.0	Contoh Senario Latihan Kawad Kebakaran Di Kolej Kediaman	22

PANDUAN MENCEGAH KEBAKARAN

1. Kebakaran boleh dicegah jika semua warga Universiti dapat mengamalkan sikap berhati-hati, tidak cuai dan bertanggungjawab dalam mengendalikan api dan punca-punca yang menyebabkan kebakaran. Berikut adalah antara kecuai dan kelalaian yang perlu dihindarkan oleh warga Universiti untuk mengelak dari kemusnahan akibat kebakaran :
 - a. Membuang puntung rokok dan mancis yang belum dimatikan bara/api di merata tempat.
 - b. Merokok dalam bilik kediaman terutama di tempat tidur.
 - c. Merokok dalam stor atau bilik penyimpanan gas/cecair mudah terbakar.
 - d. Tidak memadamkan api sepenuhnya sebelum meninggalkan tempat pembakaran.
 - e. Merokok semasa membawa atau menuang cecair yang mudah terbakar.
 - f. Tiada pengawasan ketika membakar sampah sarap.
 - g. Membiarkan kanak-kanak bermain mancis dan api. (Penghuni rumah keluarga di dalam kampus)
 - h. Membiar percikan api dari mesin atau kerja kimpalan terkena bahan yang mudah terbakar.
 - i. Menyimpan cecair mudah terbakar dalam keadaan yang tidak sempurna.
 - j. Menggunakan peralatan elektrik yang tidak diluluskan.
 - k. Membuat terlalu banyak penyambungan elektrik.(penyambungan haram)
 - l. Penggunaan ubat nyamuk di bilik kediaman.
 - m. Penggunaan lilin/memasak di dalam bilik kediaman.
 - n. Tong dan bekas sampah hendaklah dikosongkan sebelum meninggalkan pejabat/makmal.
 - o. Padamkan semua suis peralatan dan perkakasan elektrik sebelum meninggalkan pejabat/bilik/makmal.

PANDUAN KAWAD KEBAKARAN / PENGUNGSIAN BANGUNAN

1. PENDAHULUAN

Latihan Kawad Kecemasan / Kebakaran perlu diadakan di setiap Fakulti / Pejabat / Kolej Kediaman di dalam kampus atau premis milik UTHM yang berada di luar kampus sekurang-kurangnya 1 tahun sekali oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ). Setiap PTJ juga perlu menyediakan dan mempamerkan pelan laluan kecemasan di setiap bangunan untuk pengetahuan penghuni dan pelawat.

2. TUJUAN

Latihan Kawad Kecemasan / Kebakaran perlu diadakan untuk tujuan berikut ;

- a. Mereka yang berada di dalam bahaya tahu dan dapat bertindak dengan tenang dan teratur.
- b. Di mana perlu, mereka yang diberi tugas-tugas khas semasa berlaku kebakaran / kecemasan dapat menentukan keselamatan orang lain yang berada di tempat kejadian.
- c. Tangga-tangga bangunan hendaklah digunakan mengikut cara-cara yang ditentukan atau dirancang.
- d. Pengosongan bangunan boleh dilakukan dengan cepat dan teratur.

3. ARAHAN

- a. Kawad dan arahan/peraturan mengenai cara-cara untuk bertindak dengan cepat semasa berlaku kebakaran perlu dirancang, agar mereka yang terlibat tidak ragu-ragu untuk bertindak dan suasana kelam kabut serta membahayakan dapat di elak.
- b. Notis arahan yang ringkas dan mudah difahami hendaklah diletakkan di tempat yang mudah dilihat serta dibaca oleh semua penghuni, staf dan pelajar.

4 LATIHAN

- a. Latihan mengosongkan bangunan perlu diadakan sekurang-kurangnya setahun sekali supaya segala pergerakan yang dirancang, difahami dengan sepenuhnya dan boleh dilakukan pada bila-bila masa sahaja.

- b. Dapat membantu menentukan bahawa kawad yang dijalankan tidak mengakibatkan bahaya dan kerosakan kepada hartabenda.
- c. Dapat mengetahui tempat-tempat yang merbahaya seperti bahan-bahan kimia dan bilik- bilik suis utama elektrik yang mana memerlukan tindakan yang lebih berhati-hati dalam menggunakan alatan keselamatan.
- d. Mengenal pasti kedudukan alat pemadam api dan halangan-halangan di laluan yang mana boleh mengganggu kelancaran menyelamatkan diri.
- e. Melalui latihan juga boleh memberi kecekapan dan kepantasan menjalankan kawad untuk mengosongkan bangunan ke tempat yang selamat dalam tempoh kurang dari 4 minit.

5. **PERATURAN KAWAD**

Bahaya kebakaran sentiasa dihadapi dan boleh berlaku bila-bila masa sahaja dan jika berlaku, pastikan penghuni tahu untuk bertindak;

a. **Isyarat Kebakaran**

- (1) Membunyikan Penggera Kebakaran (Alarm) dengan memecahkan 'break glass' yang berhampiran jika diketahui atau melihat kebakaran di bangunan.
- (2) Menghubungi segera Balai Pengawal (Tel: 07-4537146)
- (3) Keluar dari bangunan untuk menyelamatkan diri ke tempat yang selamat (RV) serta memberitahu penghuni lain berkenaan situasi tersebut.

b. **Tempat Berkumpul (RV)**

- (1) Sekiranya berlaku kecemasan di bangunan, penghuni, kakitangan dan pelajar hendaklah berkumpul di tempat yang telah ditetapkan oleh Universiti.

c. **Panggilan Baris (Roll-Call)**

Setiap orang di dalam bangunan bertanggungjawab untuk menentukan pemeriksaan dijalankan dengan cepat semasa panggilan baris diadakan. Ini adalah untuk menentukan bahawa semua penghuni telah keluar dan tiada yang terperangkap di dalam bangunan. Jika terdapat penghuni yang tidak ada dalam perbarisan, lapor kepada Warden Penyelamat untuk tujuan menyelamatkan.

d. **Melawan Kebakaran**

Kakitangan / Warden Melawan Kebakaran yang telah diberi tanggungjawab untuk melawan kebakaran perlu menggunakan alat pemadam api yang sesuai untuk memadam api atau mencegah kebakaran dari merebak.

6. **PASUKAN BERTINDAK KECEMASAN (EMERGENCY RESPONSE TEAM)**

Pasukan ini merupakan staf yang pertama bertindak terhadap sebarang situasi kecemasan / kebakaran di Fakulti/Pejabat/Kolej Kediaman. Pasukan-pasukan warden harus dilantik seperti berikut;

a. **Ketua Warden Kebakaran**

(1) Ketua bagi pasukan ini hendaklah dilantik dari seorang staf yang kanan dan tugasnya merancang/mengawasi tugas pasukan warden sepertimana dinyatakan di para 6.b, 6c, 6d dan 6.e dengan kerjasama dan nasihat Bahagian Keselamatan.

b. **Penolong Ketua Warden**

(1) Penolong Ketua Warden berperanan membantu Ketua Warden dan bertindak memberi arahan apabila Ketua Warden tiada di lokasi kejadian.

c. **Pencatat Masa (Historian)**

(1) Berperanan sebagai pencatat masa semasa Kawad Kecemasan / Kebakaran dilaksanakan. Penolong Pendaftar / Penolong Pegawai Tadbir hendaklah dilantik sebagai Pencatat Masa di setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ).

d. **Warden Menyelamat**

Perlu dilantik sekurang-kurangnya lima (5) orang staf/pelajar bagi setiap blok bangunan/tingkat dan akan bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas seperti berikut ;

(1) Mengarah penghuni mengosongkan bangunan serta mengumpulkan semua staf/pelajar di tempat-tempat selamat seperti di kawasan lapang/ jauh dari bangunan yang terbakar.

- (2) Membuat pemeriksaan secara menyeluruh jika keadaan mengizinkan di semua bilik-bilik/makmal dan tandas untuk memastikan tiada penghuni yang terperangkap dalam kebakaran.
- (3) Mengawasi supaya tidak berlaku suasana di luar kawalan semasa pengosongan bangunan.
- (4) Semasa menjalankan tugas mengumpulkan penghuni, gunakan alat pembesar suara (Loud Hailer).
- (5) Memastikan semua pintu, tingkap dan kuasa elektrik telah ditutup.
- (6) Mengarahkan semua pemilik kenderaan yang meletakkan kenderaan mereka berhampiran dengan bangunan supaya mengalihkannya dengan segera.
- (7) Mengawal orang ramai supaya tidak menghampiri tempat kebakaran serta tentukan laluan jentera BOMBA tidak terhalang.
- (8) Memastikan Pili Bomba yang terletak / terdapat berhampiran tempat kebakaran tidak dihalang oleh kenderaan.
- (9) Memberi bantuan rawatan awal (CPR) kepada staf/pelajar/pelawat yang tercedera sebelum kedatangan pasukan perubatan atau sebelum dihantar ke hospital / pusat kesihatan.

e. **Warden Melawan Kebakaran**

Mengadakan satu pasukan yang terdiri daripada sekurang-kurangnya lima (5) orang staf/pelajar bagi satu blok bangunan/tingkat yang akan bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas seperti berikut ;

- (1) Melawan kebakaran seboleh-bolehnya menggunakan alat pemadam api yang sesuai sebelum merebak sementara menunggu bantuan Pasukan Bomba.
- (2) Membawa seberapa banyak alat pemadam api ke tempat berlaku kebakaran.

- (3) Menggunakan 'Hose Reel' yang terdapat di bangunan sebagai bantuan awal melawan kebakaran.
- (4) Berikan bantuan dan kerjasama sepenuhnya kepada Pasukan Bomba dan Bahagian Keselamatan.

7. **TINDAKAN OLEH PENGHUNI, STAF DAN PELAJAR APABILA MENDENGAR BUNYI LOCENG KECEMASAN KEBAKARAN**

- a. Berhenti melakukan sebarang kerja dan simpan semua fail penting ke dalam kabinet.
- b. Menutup semua punca kuasa elektrik.
- c. Menghentikan segala operasi mesin/jentera.
- f. Tutup semua suis/punca gas/bahan mudah terbakar atau lain-lain yang terdedah.
- e. Jangan membuat panggilan telefon yang tidak perlu.
- f. Tutup semua tingkap dan pintu kecuali pintu yang hendak digunakan untuk jalan keluar dan orang terakhir keluar dikehendaki tutup pintu.
- g. Memastikan lorong-lorong dan jalan keluar tiada halangan.
- h. Berjalan keluar dalam keadaan teratur, tenang dan tidak berpecah.
- i. Beri kerjasama dan ikut arahan pasukan ERT dan pengawal keselamatan

8. **PERATURAN KELUAR BANGUNAN KE TEMPAT SELAMAT**

- a. Jangan berlari.
- b. Jangan tolak menolak antara satu sama lain.
- c. Elakkan daripada cuba bersembunyi dalam bilik air/tandas.
- d. Jangan buat kecoh dan kelam kabut.
- g. Jangan berpatah balik untuk mengambil barang tertinggal.
- f. Semasa berjalan keluar bangunan mestilah dengan tenang dan teratur, jangan berpecah dari barisan sehingga sampai ke tempat selamat yang ditentukan.

- g. Perlu memberi kerjasama sepenuhnya dan mengikut arahan petugas yang dilantik/bertanggungjawab.

9. **PERLAKSANAAN**

Bagi membolehkan Fakulti/Pejabat/Kolej Kediaman melaksanakan kawad kecemasan / kebakaran ini dengan teratur dan lancar maka pihak yang berkenaan perlulah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut ;

- a. Melantik seorang ketua warden dan menubuhkan pasukan warden sepertimana dinyatakan di bilangan 6.a, 6.b, 6c, 6d dan 6.e. Fakulti/Pejabat/Kolej Kediaman yang terletak pada satu blok yang bertingkat perlu mengadakan perbincangan mengenai perlantikan pasukan warden kebakaran ini.
- b. Pejabat Pengurusan dan Pembangunan Hartabina dikehendaki menentukan penempatan, penyelenggaraan penggera kecemasan dan peralatan melawan kebakaran berfungsi di setiap bangunan.
- c. Pejabat Pengurusan dan Pembangunan Hartabina dikehendaki menentukan alat mencegah dan melawan kebakaran mencukupi di setiap bangunan seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- d. Menyebarkan arahan, surat pekeliling dan risalah untuk pengetahuan penghuni, staf, pelajar berkaitan kawad kecemasan/ kebakaran.
- e. Merancang dan mengadakan tanda tunjuk arah keluar ke pintu kecemasan bagi kemudahan penghuni semasa kecemasan.
- f. Menentukan tempat yang selamat untuk penghuni berkumpul.
- g. Memastikan staf/pelajar yang dilantik bagi pasukan warden kebakaran telah diberi latihan yang mencukupi.
- h. Bahagian Keselamatan dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sentiasa bersedia untuk memberikan panduan dan nasihat berkaitan dengan pencegahan dan keselamatan kebakaran.

- i. Mendapatkan nasihat Jabatan Teknikal dalam merancang pengubahsuaian bangunan.

TINDAKAN PENGAWAL KESELAMATAN SEMASA BERLAKU KEBAKARAN

Peraturan / Arahan ini dikeluarkan adalah bertujuan untuk menjelaskan kepada semua Pengawal Keselamatan tindakan-tindakan yang perlu diambil jika berlaku sesuatu kecemasan / kebakaran di dalam kampus.

1. TINDAKAN PERTAMA YANG PERLU DI AMBIL

a. Pengawal Bertugas Yang Melihat Kebakaran

- (1) Membunyikan loceng isyarat kecemasan kebakaran dan berteriak '**API!, API!!, API!!!**.'
- (2) Membunyikan wisel (tiga tiupan pendek) berturut-turut dengan sekuat-kuatnya. (sekiranya isyarat kecemasan kebakaran tidak berfungsi/tiada di tempat kejadian).
- (3) Beritahu Pusat Kawalan/Pengawal yang lain melalui telefon atau alat perhubungan 'walkie-talkie'.
- (4) Beritahu Ketua Jabatan / Bahagian atau pegawai Universiti yang berhampiran (jika waktu pejabat).
- (5) Mengarahkan semua penghuni di bangunan berkenaan (jika ada) keluar dengan segera, tenang dan teratur melalui laluan yang selamat.
- (6) Cuba padamkan api tersebut (jika keadaan mengizinkan).

b. Tindakan Pengawal-Pengawal Yang Lain

- (1) Apabila mendengar isyarat loceng kecemasan kebakaran atau melihat kebakaran berlaku di dalam kawasan kampus, semua pengawal hendaklah pergi ke tempat berlaku kebakaran sambil membawa alat pemadam kebakaran kecuali yang bertugas di pintu masuk/keluar utama.
- (2) Pengawal yang bertugas di pintu masuk/keluar kampus dikehendaki mengawal lalulintas di pintu masuk supaya tidak mengganggu laluan kenderaan BOMBA, POLIS dan AMBULANS.

- (3) Memberi pandu arah kepada pihak BOMBA, POLIS dan AMBULANS ke lokasi sebenar tempat kebakaran.

2. **TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL**

a. **Ketua Giliran Bertugas**

- (1) Hubungi Balai Bomba atau Polis dengan segera. Nombor telefon Bomba Batu Pahat 07-4342444 dan no. tel Balai Polis Parit Raja 07-4541222.
- (2) Maklumkan kepada pegawai atasan Bahagian Keselamatan.
- (3) Maklumkan Jurutera Elektrik / Juruteknik Elektrik.
- (4) Mengarahkan semua penghuni di bangunan (jika ada) keluar dengan segera, tenang dan teratur melalui laluan yang selamat. Periksa dengan teliti tempat-tempat tertentu seperti bilik makmal/kuliah, pejabat/bilik pensyarah dan tandas bagi memastikan tiada penghuni.

3. **TINDAKAN/TANGGUNGJAWAB KETUA GILIRAN BERTUGAS**

- a. Apabila sampai di tempat kebakaran, Ketua Giliran bertugas dikehendaki mengumpulkan pengawal-pengawal yang hadir untuk dibahagikan tugas.
- b. Ketua Giliran bertugas dikehendaki mengagihkan anggota kepada 2 kumpulan (Seksyen Penyelamat dan Seksyen Memadam Kebakaran).
- c. Mengarahkan Juruteknik Elektrik/Jentera supaya menutup suis utama elektrik.

4. **TUGAS SEKSYEN PENYELAMAT**

- a. Membawa segala keperluan peralatan pasukan penyelamat seperti gas mask, kapak dan tali.

- b. Menentukan / memastikan semua penghuni telah meninggalkan bangunan.
- c. Memberi bantuan / petunjuk jalan keluar dari bangunan ke tempat yang selamat seperti yang telah ditetapkan.
- d. Tentukan semua jalan keluar tidak dihalang.
- e. Tentukan semua penghuni berkumpul di tempat yang selamat dan meminta ketua/pegawai yang bertanggungjawab (ketua pejabat/blok) membuat semakan kehadiran staf mereka jika ada yang terperangkap.
- f. Mengawal orang ramai daripada mendekati/menghampiri atau memasuki semula ke dalam bangunan yang terbakar.

5. **TUGAS SEKSYEN MEMADAM KEBAKARAN**

- a. Membawa pakaian kebombaan, alat-alat pemadam api, hose reel, gas mask dan lain-lain alat pemadam kebakaran.
- b. Tutup semua punca elektrik di tempat berlaku kebakaran.
- c. Jika keadaan mengizinkan, cuba alih/selamatkan barang-barang yang berharga/penting ke tempat yang selamat.
- d. Memadam kebakaran dengan menggunakan alat pemadam api yang disediakan mengikut kesesuaian keadaan/jenis kebakaran.
- e. Memberi taklimat ringkas dan membantu pihak Bomba dalam usaha memadam kebakaran.

6. **TINDAKAN OLEH PENGAWAL BERTUGAS JIKA MENDENGAR LOCENG ISYARAT KECEMASAN KEBAKARAN BERBUNYI**

- a. Pergi ke panel kecemasan di bangunan tersebut bagi mengetahui kedudukan/lokasi loceng kecemasan yang berbunyi.
- b. Pastikan di mana lokasi kebakaran berlaku.
- c. Sekiranya berlaku kebakaran lakukan tindakan seperti di 1.a. dan sekiranya tiada kebakaran matikan bunyi loceng kecemasan agar tidak mengganggu tugas staf lain.
- d. Catatkan perkara dan tindakan yang di ambil di dalam Buku Perharian Bit.


7. **TINDAKAN KETUA GILIRAN ATAU PENGAWAL BERTUGAS SELEPAS SELESAI TUGAS**

Semua perkara yang dilihat dan dilakukan semasa berlaku kebakaran hendaklah dicatatkan didalam Buku Perharian Bit agar dapat digunakan semasa memajukan laporan atau membantu petugas siasatan selepas kejadian berkenaan.


Perkara-perkara penting yang perlu direkodkan adalah seperti berikut :

- a. Masa kebakaran berlaku/dilihat.
- b. Di mana punca/bermula kebakaran.
- c. Masa menerima laporan dan pemberi maklumat.
- d. Masa menghubungi pihak BOMBA.
- e. Tindakan awal sebelum ketibaan BOMBA/POLIS.
- f. Masa pihak BOMBA tiba di tempat kebakaran.
- g. Nama orang yang tercedera (jika ada) dan tindakan yang diambil.
- h. Arahan-arahan lain yang diberi atau diterima dan kepada/daripada siapa.
- i. Laporan lengkap mengenai kejadian kebakaran / kecemasan disediakan dalam tempoh 24 jam untuk dimajukan kepada Ketua Keselamatan.

TEMPAT BERKUMPUL (RV) KAMPUS INDUK




TEMPAT BERKUMPUL (RV) KAMPUS BANDAR




TEMPAT BERKUMPUL (RV) KOLEJ KEDIAMAN PERWIRA


LAMPIRAN (1) (LAYOUT) : MASTER LAYOUT (PANGSAPURI DESA SISWA)



TEMPAT BERKUMPUL (RV) KOLEJ KEDIAMAN MELEWAR



CARTA ORGANISASI PASUKAN BERTINDAK KECEMASAN



KELAS-KELAS API

KELAS A: KEBAKARAN MELIBATKAN BAHAN API MUDAH TERBAKAR JENIS PEPEJAL DAN MENGANDUNGI UNSUR-UNSUR KARBON SEPerti KAYU, KERTAS, SAMPAH DLL.

KELAS B: KEBAKARAN MELIBATKAN BAHAN CECAIR SEPerti PETROL, DIESEL, TAR, VERNISH, CAT DLL.

KELAS C: KEBAKARAN MELIBATKAN BAHAN API JENIS GAS SEPerti HIDROGEN, ACYETHLANE, PROPANAN, BUTANA DLL.

KELAS D: KEBAKARAN MELIBATKAN BAHAN API JENIS LOGAM SEPerti POTASIMUM SODIUM, NATRIUM, KALSIUM DLL.

JENIS-JENIS PEMADAM API

JENIS ABC : BERBENTUK SERBUK KERING, BERSIFAT SERBAGUNA DAN DAPAT MEMADAMKAN API DARI KELAS API A, B DAN C.


JENIS AB : BERBENTUK BUIH, SESUAI UNTUK KEBAKARAN BERPUNCA DARI CECAIR DAN KAYU.

JENIS A : BERBENTUK AIR, SESUAI UNTUK PEPEJAL SAHAJA DAN AMAT TIDAK SESUAI UNTUK KEBAKARAN YANG BERPUNCA DARIPADA ELEKTRIK.


JENIS CO2 : JENIS KARBON DIOKSIDA, SESUAI UNTUK SEMUA JENIS BAHAN API.

JENIS BCF : SESUAI UNTUK SEMUA JENIS KELAS API.


Cara-cara menggunakan alat pemadam api




- cabutkan pin



- halakan nozel ke pangkal api




- tekan tuil



- layangkan nozel ke kiri dan kanan
- pastikan kedudukan anda dengan pangkal api lebih kurang 3 meter dan tidak melawan arah angin

Kedudukan yang betul semasa memadam kebakaran



Betul



Salah

SENARIO LATIHAN KAWAD KEBAKARAN DI KOLEJ KEDIAMAN

MASA	TINDAKAN	AKTIVITI
3:00:00	Latihan kawad Kebakaran bermula Pasukan ERT dan staf keselamatan mengambil tempat	Penghuni terhidu asap yang keluar dan terus melaporkan perihal kejadian tersebut kepada Ketua Warden
3:01:00	Loceng Kecemasan dibunyikan Pasukan ERT Staf keselamatan	Ketua Warden menghubungi Balai Pengawal dan Balai Bomba bagi memaklumkan berlaku kebakaran di kolej kediaman
3:01:30	Pasukan ERT	PERHATIAN!! Kebakaran berlaku, diminta semua keluar dan kosongkan bangunan sekarang
3:01:40	Pasukan ERT	Pasukan ERT bersiap sedia di dalam bilik kawalan dan posisi masing-masing.
3:01:50	Penghuni Pasukan ERT Staf Keselamatan	Penghuni kolej kediaman keluar dari bangunan menuju ke tempat selamat dan berkumpul di RV. Ketua Aras membuat row call dan melaporkan kepada Warden Penyelamat bilangan penghuni yang tiada di tempat berkumpul
3:03:00	Ketua Warden Warden Penyelamat	Warden Penyelamat melaporkan kepada Ketua Warden bilangan mangsa yang terperangkap/tidak dapat dikesan
3:06:00	Ketua Warden Warden Kebakaran Warden Penyelamat	Ketua Warden mengarahkan Warden Kebakaran untuk memadamkan kebakaran agar tidak merebak ke blok/bangunan lain. Ketua Warden turut mengarahkan Warden Penyelamat untuk mencari dan menyelamatkan penghuni yang terperangkap.
3:26:00	Pasukan Bomba	Pasukan Bomba tiba di tempat kejadian.
3:27:00	Pasukan Bomba Ketua Warden	Ketua Warden melaporkan kepada Pasukan Bomba berkenaan penghuni yang terperangkap dalam bangunan dan menyerahkan kepada pihak Bomba untuk tindakan selanjutnya.
3:45:00	Pasukan Bomba Warden Penyelamat	Penghuni berjaya ditemui oleh Warden Penyelamat dan pihak Bomba. Serahkan mangsa kepada pihak ambulans untuk tindakan selanjutnya.
4:00:00	Pegawai Operasi Bomba	Api telah berjaya dipadamkan sepenuhnya.

4:10:00	Ketua Warden	Ketua Warden mengisytiharkan latihan telah selesai dan penghuni boleh memasuki semula bangunan.
4:25:00	Pasukan Bomba Pasukan ERT Bahagian Keselamatan	Post mortem latihan yang telah dilaksanakan. Ulasan oleh Pasukan Bomba dan Bahagian Keselamatan.
5:00:00	Pasukan Bomba	Anggota Bomba meninggalkan tempat latihan